



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PENYAMPAIAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L) SEMPERNA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-71 TAHUN BAGI TAHUN 2017

Bandar Seri Begawan

Hari Rabu, 13 Syawal 1439H bersamaan 27 Jun 2018M

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ini, Rabu, 27 Jun 2018 mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke -71 Tahun bagi Tahun 2017 bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seramai 54 penerima Pingat Kerja Lama (P.K.L) terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir, Yang Mulia Setiausaha Tetap, KSSUP; Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP; Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian serta Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pengurniaan Pingat Kerja Lama kepada penerima-penerima di kalangan warga Kementerian ini merupakan pengiktirafan diatas sumbangan perkhidmatan yang cemerlang serta taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Petuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih dan baik disepanjang tempoh perkhidmatan yang melebihi 20 tahun dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

13 Syawal 1439H / 27 Jun 2018M